

UBAT TITIS MATA OLOPATADINE

A. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?

- ✚ Merawat simptom alergik konjunktivitis



B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

- ✚ Ubat ini bertindak dengan mengurangkan dan melegakan simptom alahan mata seperti keradangan, kegatalan, rasa panas dan mata berair

C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

A. CARA MENGGUNAKANNYA

- ✚ Cuci tangan, dongakkan kepala dan lihat ke atas.
- ✚ Tarik kelopak mata ke bawah dengan lembut dan titiskan satu titisan ubat ke dalam mata.
- ✚ Biarkan kelopak mata tertutup (~30 saat) dan tekan lembut hujung tepi bahagian dalam kelopak bawah mata dengan jari (~1 minit)
- ✚ Tunggu 5-10 minit jika perlu menggunakan lebih daripada satu titisan ubat atau perlu menggunakan ubat titismata jenis yang lain
- ✚ Simpan ubat dalam bekas asal pada suhu bilik (23°C - 27°C), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- ✚ Jangan simpan ubat di dalam peti sejuk kecuali jika diarahkan oleh pengilang.
- ✚ Jauhkan daripada kanak-kanak.
- ✚ Ubat titis mata tidak boleh digunakan melebihi tempoh masa 4 minggu selepas botol ubat dibuka. Catatkan tarikh buka botol untuk rujukan.



C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN? (samb)

C. JIKA TERLUPA

- ✚ Ambil dos yang terlupa sebaik sahaja teringat TETAPI abaikan dos tersebut jika telah hampir masa untuk dos seterusnya.
- ✚ Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa

D. PERINGATAN !!!

D. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBAT INI?



➤ SEMASA MENGGUNAKAN UBAT INI

- ✚ Pastikan hujung depan botol tidak menyentuh mata atau sebarang permukaan lain untuk mencegah pencemaran.
- ✚ Jika anda sedang menggunakan ubat titis mata serta salap mata pada waktu yang sama, gunakan ubat titis mata dahulu.
- ✚ Jika anda memakai kanta sentuh, tanggalkan sebelum menggunakan ubat mata. Tunggu (~15 minit) sebelum memakai semula kanta sentuh anda. Ubat titis mata ini mungkin mengandungi pengawet yang boleh diserap oleh kanta sentuh.
- ✚ Maklumkan kepada doktor jika anda;
 - ✓ Mengalami kesan sampingan yang berlarutan (contoh: bengkak muka/lidah/tekak, kepeningan, atau ruam kegatalan kulit yang merebak.)
 - ✓ Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini
- ✚ Ubat titis mata tidak boleh dikongsi dengan orang lain.
- ✚ Ubat ini mungkin boleh memudaratkan bayi didalam kandungan, Ibu-ibu yang menyusukan anak tidak disarankan menggunakan ubat ini.



AMARAN !!

**SEKIRANYA
TANDA-
TANDA INI
BERLARUTAN
SILA
RUJUK
DOKTOR**

E. KESAN SAMPING UBAT

✚ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:

- ✓ Iritasi atau kesakitan pada mata
- ✓ Mata kering
- ✓ Sakit kepala
- ✓ Rasa luar biasa
- ✓ Kekeringan pada hidung
- ✓ Keletihan

Rujukan:

- Drugs.com
- rxlist.com
- BNF46 , September 2003
- medicinenet.com/
- netdoctor.co.uk

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains
Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394
